

10 DEC 2002

PUSAT EKUESTRIAN STC DERMA RM500,000 KEPADA BAKTI

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) malam ini menerima cek sebanyak RM500,000 sumbangan daripada Pusat Ekuestrian dan Sukan STC.

Presiden Bakti, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menerima cek itu daripada pengerusinya Datuk Seri Tunku Shahabuddin Tunku Besar Burhanuddin.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Jarjis.

Dua lukisan yang dilelong pada majlis makan malam itu berjaya mengutip RM150,000 dan Pusat Ekuestrian dan Sukan STC menambah dengan sumbangan sebanyak RM350,000.

Dua peserta yang berjaya dalam lelongan itu ialah ahli perniagaan Robin Tan Yeong Ching and Tan Sri Lee Kim Yew.

Selain dihiburkan oleh penghibur antarabangsa, para tetamu juga dihiburkan dengan persembahan pentas bertajuk "Pegasus: What Dreams May Come".

Persembahan berbentuk muzikal itu menggambarkan kejayaan negara dibawah pimpinan Dr Mahathir.

--BERNAMA

LIB UHS RZS ZB